

Keunikan Adat Perpatih

Adat Perpatih diamalkan di Negeri Sembilan dan Naning berdasarkan Adat Minangkabau yang diperkenalkan oleh Dato' Perpatih Nan Sebatang.

Adat Perpatih menerima perubahan semasa dan disesuaikan dengan adat orang tempatan namun masih mengekalkan warisan keunikannya.

Suku merujuk kepada anggota masyarakat yang dikelaskan mengikut nenek moyang, iaitu keturunan sebelah ibu. Terdapat 12 suku di Negeri Sembilan.



Jurai keturunan sebelah ibu

Kaum perempuan dianggap **Ibu Soko**, iaitu ibu yang melahirkan anggota masyarakat. Anggota suku dianggap sedarah kerana berasal daripada moyang perempuan yang sama sebelah ibu.



Pelaksanaan hukuman

Bersifat **pemulihan**. Jika kesalahan kecil, diselesaikan dengan bermaaafan atau denda yang ringan. Mementingkan perasaan dan menyedarkan pesalah ke arah kebaikan.

Wanita mewarisi pusaka

Harta pusaka yang diwarisi termasuk tanah dan rumah agar wanita **tidak terabai** serta diwarisi secara turun temurun daripada ibu kepada anak perempuan.

Upacara Kedim

Menerima suku lain atau orang luar menjadi suku. Seseorang akan bersumpah **taat setia** dan bersaudara dengan ahli suku yang akan dianggotai serta dibuat penghebahan.



Perkahwinan

Perkahwinan sesama suku tidak digalakkan kerana dianggap **keluarga besar** dan bersaudara. Menggalakkan perkahwinan di luar suku bagi mewujudkan hubungan persaudaraan antara suku. Lelaki yang berkahwin akan menjadi anggota keluarga suku isterinya dan digelar **orang semenda**. Wanita yang berkahwin sesama suku akan hilang hak mewarisi harta, manakala lelaki kehilangan hak menyandang jawatan dalam adat. Jika hendak mengembalikan hak, perlu menjalankan **adat memulih pusaka**.

